

Terima teguran secara positif: Rais

BH 28 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Isnin— Teguran terhadap pihak berkuasa kerana bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' apabila menyiasat kes pecah amanah membabitkan tokoh atau pertubuhan tertentu wajar diterima sebagai kritikan positif untuk memperbaiki kelemahan sedia ada.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim, berkata tujuan beliau membangkitkan isu itu adalah ikhlas bagi mengelakkan kewibawaan pihak berkuasa dipersoalkan orang ramai.

"Tujuan saya hanya sekadar mengingatkan pihak berkuasa

mengenai beberapa kes yang masih tertangguh, membabitkan tokoh atau pertubuhan tertentu, tidak lebih dari itu.

"Saya akan membangkitkan isu ini dalam kabinet Rabu ini selain berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan mengadakan sidang akhbar bagi memberi penjelasan lanjut," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* hari ini.

Semalam, Perdana Menteri berkata pesalah tetap dihukum dan semua kes pecah amanah membabitkan individu atau organisasi tertentu akan disiasat tanpa mengira kedudukan mereka.

Katanya, apa yang berlaku sekarang ialah jika siasatan membabitkan orang rapat dengan kerajaan, orang ramai menganggap mereka yang sepatutnya dihukum itu biasanya akan terlepas.

Beliau mengulas kritikan Rais bahawa pihak berkuasa bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' ketika menjalankan siasatan kes pecah amanah membabitkan tokoh atau pertubuhan tertentu.

Antara lain, beberapa kes besar seumpama itu yang masih disiasat termasuk kes Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan

skandal Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).

Isu kehilangan jutawan, Ooi Kee Siang berhubung penyelewengan wang PPRT berjumlah RM36.5 juta menimbulkan banyak persoalan, terutama mengenai bagaimana beliau boleh lesap sedangkan siasatan terhadapnya belum selesai.

Tidak kurang juga yang mempertikaikan kecekapan polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bertindak lebih awal memandangkan Ooi juga masih dikehendaki kerana sebelum ini, terbabit dalam pelbagai kegiatan memalsukan kad kredit dan kad pengenalan.